

**[COMPLIANCE WITH SHARIA FRAMEWORK IN THE FILM IMAM (2023):  
AN INITIAL OBSERVATION]**

**PEMATUHAN KERANGKA SYARIAT DALAM FILEM IMAM (2023):  
SUATU PEMERHATIAN AWAL**

*Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi  
adiazar@usim.edu.my (Corresponding Author)  
Programme of Arabic Language and Islamic Literature Faculty of Major Language Studies,  
Islamic Science University of Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia*

*Mohd Nor Adzhar Ibrahim  
mnor.adzhar@usim.edu.my  
Faculty of Quranic and Sunnah Studies,  
Islamic Science University of Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia*

*Mohamad Yazid Abdul Majid  
yazidmajid@usim.edu.my  
Programme of Arabic Language and Islamic Literature Faculty of Major Language Studies,  
Islamic Science University of Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia*

*Amirah Ahmad Zain  
amirah.ahmadzainr@usim.edu.my  
Programme of Arabic Language and Islamic Literature Faculty of Major Language Studies,  
Islamic Science University of Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia*

*Mohd Adil Mufti Mohamad Samsudin  
adilmufti@usim.edu.my  
Arabic Language Unit  
Faculty of Major Language Studies,  
Islamic Science University of Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia*

*Nurhasma Muhamad Saad  
nurhasma@usim.edu.my  
Programme of Arabic Language and Islamic Literature Faculty of Major Language Studies,  
Islamic Science University of Malaysia  
71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia*

**Abstrak**

Kajian ini akan memfokuskan kepada filem Imam (2023) yang merupakan cetsan pertama hasil garapan Mior Hashim Manap menerusi lensa dakwah dan persuratan Islam. Filem Imam ini adalah manifestasi daripada kesedaran beliau untuk mempelbagaikan wasilah dakwah kepada masyarakat dan memberi kesedaran tentang peri pentingnya pematuhan kerangka dan fundamental syariat Islam dalam menghasilkan sesuatu produksi filem. Ini ditambah pula dengan kekuatan filem ini yang merupakan adaptasi daripada novel Imam yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara iaitu Abdullah Hussain yang juga telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1994/1995. Justeru, metod kajian ini akan diaplikasikan secara analisis kandungan dengan menjadikan filem Imam (2023) yang akan ditonton menerusi saluran berbayar Nurflix sebagai sumber dapatan utama. Dapatan kajian secara keseluruhannya telah memperlihatkan pematuhan Mior Hashim Manap secara optimum dalam kerangka syariat menerusi naratif filem ini dalam aspek-aspek tertentu seperti hubungan kekeluargaan. Pada sudut yang lain, pematuhan pada kerangka syariat juga dilihat berlaku apabila penggembelangan babak-babak yang berkaitan dengan aspek syariat dimanfaatkan dengan baik dan tidak terkeluar daripada garis sempadan syariat yang telah dimeterai secara jelas dalam Islam.

**Kata Kunci:** kerangka, syariat, filem Imam, pematuhan

### **Abstract**

*This study will focus on the film Imam (2023), which is the first creation by Mior Hashim Manap through the lens of da'wah and Islamic literature. The film Imam is a manifestation of his awareness to diversify the means of da'wah to the community and to raise awareness about the importance of adhering to the framework and fundamentals of Islamic law in producing a film. This is further strengthened by the fact that this film is an adaptation of the novel "Imam," created by National Laureate Abdullah Hussain, who also won the Malaysian Literary Prize 1994/1995. Therefore, this research method will be applied through content analysis using the film Imam (2023), which will be watched via the paid channel Nurflix, as the primary source of data. The overall findings of the study have shown Mior Hashim Manap's optimal adherence to the framework of Sharia through the narrative of this film in certain aspects such as family relationships. On another note, adherence to the framework of Sharia is also observed when the integration of scenes related to Sharia aspects is well-utilized and does not deviate from the clearly defined boundaries of Sharia in Islam.*

**Keywords:** framework, syariat, film of Imam, compliance

Article Received:  
13 December 2024

Article Reviewed:  
18 December 2024

Article Published:  
26 December 2024

## **PENGENALAN**

Makalah ini membicarakan berkenaan pematuhan kerangka syariat dalam filem Imam (2023) dengan melihat dengan skala yang sederhana dan tidak pergi lagi secara terperinci. Berkenaan dengan filem Imam ini, ia merupakan buah tangan yang dihasilkan oleh sutradara atau pengarahnya iaitu Mior Hashim Manap dan ditayangkan di pawagam pada Mac 2023. Filem ini diterbitkan oleh syarikat yang dinaungi sendiri oleh beliau iaitu Al-Kahfi Pictures dan mendapat dana penerbitan daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sebanyak RM 500,000. Penggambaran filem ini mula dilaksanakan pada 15 Januari 2022 dan tamat sepenuhnya penggambaran pada 1 Mac 2022 dengan dibarisi dengan pelakon-pelakon terkenal tanah air seperti Dato' M.Nasir, Faizal Hussein, Vanidah Imran, Natasha Charmaine, Dato' Jalaludin Hassan, Dato' Rahim Razali, Rahim Jailani, Noramin Mosyi, Omar Abdullah, Sophia Ibrahim dan ramai lagi (Mior Hashim Manap, 2023).

Merujuk kepada naskhah ini, asalnya ia merupakan adaptasi daripada novel Imam yang dikarang sepenuhnya oleh Sasterawan Negara, Abdullah Hussain. Novel ini juga telah memenangi hadiah pertama Sayembara Hadiah Sako anjuran Utusan Publications dan Public Bank 1992/1994. Melihat kepada kualiti persembahan dan idea yang termaktub dalam novel ini telah mengilhamkan Mior Hashim Manap untuk membawa novel ini ke layar perak dan seterusnya telah menjadi realiti pada bulan Mac 2023 apabila secara rasminya filem ini telah ditayangkan di pawagam seluruh negara. Secara umumnya, tema utama filem ini adalah pertembungan pemikiran antara Haji Mihad lakonan Dato' M.Nasir dan juga Haji Syamsuri lakonan Faizal Hussein. Haji Mihad secara asasnya telah menggantikan imam tua yang telah sekian lama menjadi imam di Masjid Haji Salih, Kampung Anggerik Desa. Pembaharuan yang dibawa oleh Haji Mihad nyata tidak disenangi oleh Haji Syamsuri yang mendakwa pembaharuan yang dibawa itu menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar seperti membina gelanggang sepak takraw dan badminton dalam kawasan masjid dan beberapa lagi pembaharuan. Hakikat yang sebenar, Haji Syamsuri cemburu dan iri hati dengan Haji Mihad yang merupakan sepupunya sendiri yang ternyata mendapat sokongan yang jitu daripada penduduk Kampung Anggerik Desa. Kemuncaknya berlakulah beberapa insiden dan akhirnya telah membawa kepada kematian Haji Mihad.

Justeru, makalah ini ingin menerobos secara permukaan berkenaan pematuhan yang berjaya dibawa oleh Mior Hashim Manap dalam filem beliau ini. Namun fokus makalah ini hanya tertumpu kepada pematuhan dalam kerangka syariat dan tidak membicarakan berkenaan kerangka akidah mahupun akhlak atas dasar limitasi kajian yang terhad dalam perbincangan makalah ini. Perbincangan seterusnya akan melihat terlebih dahulu secara asas berkenaan konsep dakwah, akidah, syariah dan akhlak secara umum sebelum perbincangan yang utama akan melatari terhadap pemerhatian awal terhadap pematuhan sutradara filem ini terhadap kerangka syariat dalam membina paksi naratif yang memberikan nilai didaktik dan ilmu kepada para penonton.

## **KONSEP DAKWAH, AKIDAH, SYARIAH DAN AKHLAK DALAM KEGIATAN SENI**

Secara prinsipnya, kegiatan dakwah adalah bersifat berterusan dan setiap individu muslim berkewajipan melaksanakannya sehingga ke akhir hayat berdasarkan kapasiti dan kemampuan dirinya. Seiring dengan peredaran zaman, dakwah juga turut berkembang melalui pelbagai medium sama ada melalui lisan, tulisan dan media massa (Enjang & Aliyuddin, 2009). Apabila dakwah dikaitkan dengan unsur-unsur kesenian, maka terdapat beberapa terma berkaitan dakwah yang perlu diperhalusi. Dari sudut etimologi, perkataan dakwah berasal daripada *da'a - yad'u - da'watan* yang bermaksud panggil, seru, undang dan ajak (al-Razi, 1986). Kamus Dewan (edisi keempat) pula mendefinisikannya sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Terdapat beberapa keterangan daripada sarjana Islam berkenaan konsep dakwah. Menurut Ibn Taymiah (1985), dakwah ialah usaha memujuk orang beriman untuk percaya dan patuh kepada ajaran Nabi SAW dan berdoa kepada Allah seolah-olah melihat-Nya. M. Natsir (1986) memperkenalkan konsep dakwah sebagai usaha menyampaikan ajaran Islam kepada individu atau sekumpulan manusia yang mengambil berat terhadap sudut pandang dan matlamat hidup.

Selain itu, Hasjmy (1994) mendefinisikan dakwah sebagai usaha mengajak orang lain beriman dan beramal akidah dan syariah Islam. Taha Yahya Omar (1979) pula mentakrifkan dakwah sebagai kegiatan mengajak manusia secara bijaksana ke jalan yang benar menurut perintah Tuhan demi keselamatan dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Berdasarkan konsep-konsep yang dikemukakan ini, maka sudah pastu usaha dakwah yang dijalankan itu mengandungi mesej tertentu yang ingin disampaikan. Dalam ilmu komunikasi, mesej ini disebut sebagai simbol dan dalam literatur bahasa Arab pula, ia disebut *al-mawdu' al-da'wah* (Guntur & Nibros, 2019). Menurut Moh. Ali Aziz (2004), penjelasan yang paling tepat dalam menginterpretasikan mesej dakwah ialah isi kandungannya yang berbentuk kata-kata, gambar, lukisan dan sebagainya yang diharapkan dapat memberikan kefahaman bahkan perubahan sikap penerima dakwah. Mesej-mesej dakwah ini pula tidak dapat lari daripada tiga elemen utama ajaran Islam, iaitu akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, sebarang kegiatan seni yang ingin dikaitkan dengan jenama Islam wajar diperhalusi melalui tiga elemen di atas agar selari dengan kehendak ajaran Islam itu sendiri.

### **Akidah**

Akidah merupakan perkataan bahasa Arab yang berasal daripada susunan tiga huruf, iaitu *'Ayn, Qaf dan Dal* yang merujuk kepada ikatan yang sangat kuat (Ibn Faris, 1979). Menurut Ibn Manzur (1994), secara etimologinya perkataan *'aqada* bermaksud ikat, lawan kepada bebas. Menurut Ibn Manzur lagi, apabila seseorang mengikat hatinya dengan sesuatu, bererti dia melaziminya dan selalu bersamanya. Berdasarkan konteks bahasa, al-Kabisi (2021) merumuskan bahawa perkataan akidah dapat difahami sebagai satu simpulan, ikatan dan perakuan. Menurut istilah pula, al-Athari (2002) mendefinisikannya sebagai perkara yang wajib dipercayai oleh hati dan diterima dengan tenang oleh jiwa sehingga menjadi suatu keyakinan yang kukuh dan tidak bercampur aduk dengan keraguan.

Apabila dikatakan tentang akidah seseorang, maka al-Himyari (1999) merujuknya sebagai agama yang dipegang olehnya. Berdasarkan konteks bahasa dan istilah, maka didapati koelasi antara kedua-duanya. Oleh itu, Muhammad Rawwas Qal'aji dan Hamid Sadiq Qanyabi (1988) menyimpulkan bahawa perkataan akidah bermaksud perkara yang tersimpul rapi di hati dan diterima baik oleh jiwa.

### **Syariah**

Syariah berasal daripada perkataan *al-syar'*. Menurut al-Jurjani (1983), perkataan *al-syar'* dari sudut etimologi bermaksud penjelasan dan keterangan. Ia juga diertikan sebagai jalan yang lurus (al-Razi, 1986). Dari sudut istilah pula, terdapat beberapa istilah yang dikemukakan oleh para ulama. Sebagai contoh, al-Qurtubi (2006), Ibn al-Malik (1891) dan Muhammad Salam Madkur (1996) mendefinisikan Syariah sebagai suatu jalan yang ditunjukkan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya dalam bentuk agama yang melibatkan pelbagai peraturan dan hukum hakam. Berdasarkan kenyataan ini, 'Abd al-Karim Zaydan (2001) memperkemas lagi definisi tersebut dengan mentakrifkan Syariah sebagai hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya melalui sumber al-Quran ataupun al-Sunnah.

### **Akhlak**

Akhlak dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *al-khulq* yang bermaksud tabiat dan perangai. Perkataan ini sebagaimana yang biasa disebutkan dalam karya turath Islami merujuk kepada keadaan yang mengajak jiwa melakukan sesuatu tanpa berfikir dan berencana (Ibn Maskawayh, t.t). Menurut beliau lagi, akhlak ini memang bergabung dengan diri secara semula jadi atau diperolehi melalui pembentukan oleh persekitaran. Oleh kerana itu, al-Ghazali (2004) menyifatkan akhlak sebagai keadaan yang sehati dengan jiwa. Menurut al-Mawardi (1981), akhlak merupakan perkara semula jadi yang tersembunyi dalam diri dan mampu terzahir dengan pilihan dan dikuasai dengan paksaan. Justeru, beliau membahagikan akhlak kepada dua pecahan; pertama: akhlak yang difitrahkan dan kedua: perlakuan berdasarkan kehendak sendiri yang merujuk kepada akhlak yang diusahakan.

## **PEMATUHAN KERANGKA SYARIAT DALAM FILEM IMAM (2023): SUATU PEMERHATIAN AWAL**

Melihat secara umum berkenaan filem Imam ini, ternyata filem yang berdurasi sejam setengah ini sarat dengan elemen dan fundamental Islam yang ingin diketengahkan oleh pengarahnya iaitu Mior Hashim Manap. Namun fokus makalah hanya terhad membicarakan berkenaan kerangka syariat sahaja. Secara umumnya, terdapat dua isu berkaitan syariat yang diketengahkan oleh pengarah filem ini berjaya ditanggapi antaranya seperti aspek pergaulan watak suami dan isteri dan aspek pemaparan isu berkaitan solat Jumaat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu lagi yang boleh ditanggapi namun atas kekangan yang terhad, makalah ini berhajat untuk membuat pemerhatian awal terhadap dua isu terlebih dahulu sebagai pemula pembincangan.

### **Aspek Pergaulan Watak Suami dan Isteri**


Merujuk kepada aspek ini, Islam secara asasnya menekankan kepada keharmonian kehidupan rumah tangga dalam alam realiti dan nyata. Ini dijelaskan secara langsung dalam Al-Qur'an menerusi pelbagai ayat yang mementingkan perhubungan dan kebergantungan antara suami dan isteri antaranya dalam Al-Baqarah (187), An-Nisaa (1), An-Nisaa (3), An-Nahl (72), An-Nuur (32), Ar-Rum (21), Luqman (10), Yaasin (36), Adz-Dzariyaat (49) dan pelbagai lagi ayat Al-Qur'an yang berkaitan. Dalam aspek realiti kehidupan kewujudan

pasangan suami dan isteri yang normal secara ironinya tidak menjadi kesalahan kepada pasangan tersebut untuk memaparkan perhubungan mereka secara sah namun perlu berlandaskan kepada etika yang telah digariskan oleh Islam.

Misalnya dalam adab persetubuhan sesama suami isteri, menjadi keharusan bagi suami untuk menyetubuhi keseluruhan anggota badan isteri kecuali beberapa bahagian antaranya bahagian dubur. Syariat Islam melarang keras perbuatan menggauli isteri menggunakan dubur walaupun pada hakikatnya ikatan perhubungan yang telah dibina antara suami dan isteri itu sudah sah (Mohd Nor, U. M., 2018). Walaupun demikian, ikatan itu masih lagi dikawal oleh syariat bertujuan untuk mengawasi perlakuan manusia daripada terjebak kepada perkara dan anasir yang kurang baik. Ia bertepatan dengan maqasid syariah yang antaranya bertujuan untuk menjaga keturunan dan nasab, pergaulan sesama khalayak yang lain. Begitu juga dengan syariat Islam yang menitik beratkan soal adab dan aurat antara ibu bapa dengan anak di mana setelah anak-anak menginjak ke usia sekitar tujuh atau lapan tahun perlulah diasingkan tempat tidur bagi anak yang berlainan jantina. Ini bertujuan bagi memelihara kemaslahatan dan mengelakkan daripada terjerumus kepada perkara yang negatif.

Dalam konteks filem, ia merupakan wadah yang berbentuk rekaan semata-mata seperti mana definisi filem yang sedia maklum iaitu merupakan medium yang indah dan luar biasa serta menghasilkan gambar serta jalan cerita dengan menghidupkan watak-watak lakonan (Azimah & Rosmawati, 2016). Dalam erti kata yang lain, naratif filem adalah manifestasi daripada idea yang bersumberkan cerita asal kemudian diolah kepada penghasilan skrip dan seterusnya ditaklifkan kepada pengarah filem selaku individu yang bertanggungjawab membangunkan filem tersebut berdasarkan kecenderungan yang dimilikinya. Jika naratif filem yang dibawa itu tidak menggambarkan kepada pematuhan kepada aspek dan fundamental Islam maka kesannya cukup besar kepada pemikiran masyarakat yang menontonnya. Begitu juga jika filem itu membawa aspirasi pematuhan kepada kerangka Islam yang tepat, maka faedah akan diperolehi oleh khalayak.

Merujuk kepada babak yang berkaitan dalam filem Imam, secara hakikatnya tema filem ini yang dibawa oleh penulis novel yang asal iaitu Abdullah Hussain dan juga Mior Hashim Manap selaku pengarah yang bertanggungjawab mengadaptasi ke filem adalah bernaratifkan berkenaan hubungan kekeluargaan. Hubungan kekeluargaan yang telah wujud dalam filem ini melibatkan beberapa perkara antaranya aspek pergaulan yang melibatkan babak Haji Mihad dan isterinya, Siti Nur Aishah lakonan Natasha Charmaine yang banyak ditunjukkan dalam babak-babak penceritaan dalam filem ini. Antara paparan gambar boleh dilihat seperti di bawah :



RAJAH 1 Paparan babak dalam filem Imam (2023) tayangan antara minit 24:20 hingga minit 26:10

Paparan babak di atas adalah tayangan antara minit 24:20 hingga minit 26:10. Babak

ini ditonjolkan antara salah satu babak yang menggambarkan berlakunya perbualan antara Haji Mihad dan isterinya, Siti Nur Aishah di beranda rumah mereka di Kampung Anggerik Desa. Haji Mihad mengadu kepada isterinya berkenaan reaksi penerimaan penduduk kampung terhadap teks khutbah Jumaat yang dikarangnya sendiri. Beliau seolah-olah meluahkan rasa kekecewaan kerana teks khutbah itu mendapat penentangan dalam kalangan penduduk kampung sedangkan teks yang dikarang olehnya itu tidak mengandungi apa-apa pemaknaan yang bersalahan dengan Islam. Ini kerana, sebelum ini teks khutbah kebiasaannya dibaca mengikut teks yang telah disediakan oleh pihak berwajib agama tapi dalam kes Haji Mihad ini, beliau menggunakan teks karangan sendiri sehinggakan penduduk kampung telah melaporkan perkara ini kepada pihak berwajib agama dan pihak tersebut telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan isu yang berkait dengan Haji Mihad ini.

Dalam babak ini, walaupun perbualan ini berlaku antara suami dan isteri, tetapi pengarah berjaya mengadunkan dalam suasana yang teratur dan sopan dan tidak menyalahi syariat Islam. Tidak ada babak yang melibatkan persentuhan antara Haji Mihad dan isterinya walaupun pada hakikatnya dialog yang dituturkan oleh Haji Mihad mirip kepada rintihan dan luahan hati yang mungkin pada garapan atau pandangan pengarah lain ia perlu dilakonkan dengan adegan yang bersentuhan atau berpelukan bagi meningkatkan rasa emosi kepada penonton.

Ia juga merujuk kepada satu teori sastera Barat iaitu realisme yang menurut Ungku Maimunah (2019) merupakan satu ancaman besar kepada dunia kesusasteraan Melayu yang berpaksikan kepada kesopanan dan kesusilaan. Realisme atau dengan kata lain merupakan teori yang mengagungkan setiap sisi kehidupan manusia itu untuk dipamerkan secara langsung dalam hasil pengkaryaan (Ungku Maimunah, 2019). Ini bermakna jika merujuk kepada filem sebagai satu hasil pengkaryaan berkaitan sastera, filem yang beracukan Barat akan dipenuhi dengan realisme yang memaparkan sisi-sisi negatif seperti hubungan intim suami isteri, seks, keganasan dan sebagainya.

Namun jika naratif penghasilan itu dapat dipatahkan dengan kehadiran idea dan alternatif teori yang bersandarkan dengan Islam sebagai parameter, maka kesan positif akan dapat dilihat dengan luas sekali. Dalam konteks babak yang telah diulas sebelum ini, gaya kreatif yang dipamerkan oleh pengarah iaitu Mior Hashim Manap dalam mengolah teknik penggambaran yang melibatkan kamera dan elemen sinematografi yang lain merupakan tindakan yang perlu dipuji. Ia memperlihatkan tentang elemen kreatif yang wujud pada seni itu untuk mengangkat nilai penceritaan tanpa melanggar aspek hukum-hakam Islam.

Zulkarnain Mohamed (2011) juga pada satu artikel beliau membicarakan berkenaan konsep taklif dalam aspek kepengarangan, telah menegaskan bahawa pantulan kesedaran taklif adalah hasil daripada kefahaman yang jitu pada proses-proses yang terawal dalam berurusan dengan pelbagai sumber yang ada. Ini bermakna, jika seseorang itu tidak memahami asas Islam yang sepatutnya, naratif karya yang dibawa akan bersalahan dan akan memesongkan orang lain. Maka di sini peri pentingnya ilmu Islam itu untuk difahami terlebih dahulu dalam apa juga bidang yang disertai.

Apatah lagi dalam aspek yang berkaitan kepada penghasilan filem sebagai salah satu elemen media yang memberi kesan kepada masyarakat, maka ia perlu bertitik tolak dengan kefahaman yang betul. Justeru, dalam konteks ini, Mior Hashim Manap berjaya untuk memperlihatkan satu aturan naratif yang tidak bersalahan dengan syariat dan pada masa yang sama mesej dan pengajaran daripada babak berkaitan tetap sampai kepada penonton dan khalayak.



RAJAH 2 Paparan babak dalam filem Imam (2023) pada minit 34:00 hingga minit 36:20

Paparan babak seterusnya yang ada memperlihatkan berkenaan pergaulan antara watak suami dan isteri adalah pada minit 34:00 hingga minit 36:20. Babak ini sekali lagi memaparkan berkenaan perbualan Haji Mihad dan isterinya, Siti Nur Aishah. Pada asasnya, babak ini berkenaan dengan perbualan antara Haji Mihad, isteri dan anaknya pada satu kawasan lapang di mana isteri Haji Mihad telah menceritakan kenangan dan sejarah lampau bagaimana beliau dan Haji Mihad boleh bertemu dan seterusnya melangsungkan perkahwinan. Ia bermula daripada penugasan Haji Mihad yang dahulunya bertugas sebagai seorang askar dan ditempatkan di pedalaman Sarawak-Kalimantan pada 1963 untuk menentang saki-baki komunis yang masih ada. Pada ketika itu, nasib tidak menyebelahi beliau dan beliau terkena tembakan daripada komunis dan kemudiannya telah diselamatkan oleh Siti Nur Aishah dan bapanya.

Bermula saat itu, mereka telah disatukan dan akhirnya hidup bahagia sehingga melahirkan anak. Isteri Haji Mihad juga merupakan seorang yang berbangsa Dayak dan kemudian telah memeluk Islam dan menukar nama kepada Siti Nur Aishah. Sejarah kehidupan lampau itu telah diceritakan secara panjang lebar kepada anaknya dalam durasi dua minit setengah. Dalam konteks pematuhan pada kerangka syariat, babak pergaulan ini berjaya diadun dengan baik oleh pengarah tanpa ada babak-babak yang melibatkan sentuhan antara lelaki dan perempuan. Naratif penceritaan masih berjalan dengan baik dan dapat difahami oleh penonton walaupun tidak ada babak-babak yang bersalahan dengan kerangka syariat itu.

### **Aspek Pemaparan Isu Solat Jumaat**

Aspek seterusnya yang ingin dibincangkan dalam kerangka pematuhan syariat dalam filem Imam ini adalah berkaitan dengan aspek pemaparan isu solat Jumaat. Antara isu yang agak penting untuk dibawa dalam perbincangan ini adalah isu solat Jumaat yang menjadi antara adunan konflik yang cuba untuk dibawa oleh pengarah filem bagi mencantikkan lagi plot penceritaan dalam filem ini. Umum mengetahui bahawa solat merupakan antara rukun Islam yang paling penting untuk dilaksanakan oleh umat Islam seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam banyak surah dalam Al-Qur'an antaranya Al-Baqarah (43), Al-Hajj (78) dan pelbagai lagi ayat yang berkaitan berkenaan kefarduan solat ini.

Dalam suatu segi lain juga, solat Jumaat merupakan antara kewajipan yang wajib dilaksanakan oleh golongan lelaki Islam yang berakal dan mukallaf berdasarkan ayat al-Qur'an dalam surah Al-Jumu'ah (9). Syariat Islam secara jelas telah menetapkan umat Islam dalam kalangan lelaki, baligh, berakal, orang yang bermukim pada sesuatu tempat dan tidak mempunyai keuzuran adalah wajib untuk melaksanakan kewajipan ini (Naqiuddin, W. A. 2019).

Dalam penceritaan ini, pengarah telah mengadunkan babak ini sebagai konflik yang meningkatkan lagi keinginan penonton untuk mengetahui plot-plot yang seterusnya. Dalam filem ini, pertembungan pemikiran dan pendapat antara Haji Mihad dan Haji Syamsuri menjadi tema utama yang seterusnya membawa kepada konflik antara mereka berdua. Haji Syamsuri sudah lama menentang perlantikan Haji Mihad sebagai imam Masjid Haji Salih kerana beliau menginginkan jawatan tersebut. Antara klimaks konflik yang boleh dilihat adalah menerusi paparan di bawah :





RAJAH 3 Paparan babak dalam filem Imam (2023) antara minit 37:30 hingga minit 43:40

Menerusi babak yang berdurasi antara minit 37:30 hingga minit 43:40 di atas, Haji Syamsuri telah bertindak merampas kedudukan khatib Jumaat daripada Haji Mihad dan ini telah menimbulkan konflik ketegangan antara beliau dengan Haji Mihad. Sebenarnya, Haji Syamsuri telah bertindak lebih awal lagi dengan merancang perjalanan khutbah dan solat Jumaat yang akan diketuai oleh beliau dengan berpakat dengan penduduk-penduduk kampung yang tinggal berdekatan dengan Kampung Anggerik Desa untuk menjadi makmum solat Jumaat di Masjid Haji Salih.

Namun keadaan bertukar menjadi tegang apabila penduduk kampung telah bertindak keluar daripada masjid sebaik sahaja Haji Syamsuri memegang tongkat untuk memulakan pembacaan khutbah. Keadaan ini berterusan sehinggalah khutbah habis di baca dan solat Jumaat tidak boleh dilaksanakan kerana kekurangan makmum. Keadaan ini telah memaksa Haji Mihad untuk masuk campur dan menenangkan keadaan kemudiannya memujuk penduduk kampung yang melakukan protes untuk masuk kembali ke dalam masjid dan seterusnya memulakan solat Jumaat.





Pemaparan empat petikan gambar di atas telah memperlihatkan adunan dan garapan naratif yang telah berjaya dilaksanakan oleh Mior Hashim Manap selaku pengarah filem ini dengan 'meredakan' ketegangan antara Haji Mihad dengan Haji Syamsuri. Dalam babak di atas, Haji Mihad telah mempelawa Haji Syamsuri untuk menjadi imam bagi solat Jumaat dan telahan yang mungkin boleh dibuat adalah bagi mengurangkan 'ketegangan' yang ada antara mereka berdua. Ini mungkin kerana sebelum itu, Haji Syamsuri telah bertindak menjadi khatib dan seterusnya Haji Mihad memberi laluan kepada beliau untuk menjadi imam solat Jumaat. Dalam perspektif lain iaitu dalam aspek pematuhan kerangka syariat, pada asasnya solat Jumaat berlainan imam pada tempat yang sama dan dilakukan pada waktu yang serentak adalah tidak dibenarkan namun para fuqaha' berbeza pendapat untuk pelaksanaan solat Jumaat lebih pada sekali pada tempat yang sama.

Dalam konteks babak dalam filem ini, pematuhan pada kerangka syariat telah berlaku apabila babak yang pada awalnya menunjukkan kepada kemungkinan berlakunya pelaksanaan solat Jumaat sebanyak dua kali dapat ditegah daripada berlaku apabila adanya babak Haji Mihad yang memujuk kembali orang kampung untuk masuk ke dalam masjid seterusnya melaksanakan solat Jumaat seperti biasa. Jika babak tersebut tidak ada dalam garapan pengarah, kemungkinan babak orang kampung akan solat dua kali dengan imam yang berlainan mungkin berlaku dan ini akan menyebabkan berlakunya pencanggahan pada kerangka syariat dalam konteks naratif filem.

Walaupun pada hakikat sekadar untuk pemaparan bagi kerelevanan jalan penceritaan namun kefahaman yang masuk ke dalam minda penonton menerusi babak-babak yang tidak menepati kerangka syariat dikhuatiri akan menjejaskan kefahaman khalayak terhadap pengamalan solat Jumaat dengan tatacara yang betul menurut Islam. Justeru, sangat jelas di sini bahawasanya peranan ilmu yang sebenar perlu disandarkan kepada penghasilan pengkaryaan kreatif yang melibatkan pelbagai genre sastera seperti novel, cerpen, drama, teater mahupun filem.

Zulkarnain Mohamed (2010) menyifatkan ilmu yang sebenar adalah bersumberkan daripada Al-Qur'an yang mana isi kandungannya lengkap merangkumi segala aspek kehidupan manusia dan tidak terbatas kepada hal-hal berkaitan akidah sahaja bahkan meliputi soal syariat seperti siasah, muamalat, munakahat dan jenayah. Pemanfaatan konteks dalam elemen karya yang dipilih perlu dilakukan secara berhati-hati dan cermat seperti yang digariskan oleh Al-Raziq (2002) ketika membicarakan berkenaan kaedah berurusan dengan sumber Islam seperti Al-Qur'an dan Hadith yang melibatkan banyak nas yang perlu difahami secara tepat. Pemanfaatan hukum dan nas yang melibatkan syariat sekiranya berjaya dilakukan akan menatijahkan satu keberhasilan yang cukup signifikan khususnya kepada khalayak yang menontonnya.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, filem Imam ini merupakan satu usaha yang sangat cekal dan berani yang telah ditunjukkan oleh pengarah dan sutradaranya iaitu Mior Hashim Manap. Adunan naratif yang sarat dengan konflik dalam penceritaan filem Imam merupakan usaha yang tidak ternilai oleh pengarah filem dan seluruh pasukan produksi yang terlibat dalam mengangkat filem ini yang merupakan adaptasi daripada novel Imam karangan Sasterawan Negara, Abdullah Hussain. Pada satu aspek lain yang merupakan teras kepada perbincangan dalam makalah ini iaitu berkenaan pematuhan pada kerangka syariat, beberapa usaha yang dilakukan oleh pengarah dalam penggarapan skrip seterusnya mentransformasikannya dalam bentuk lakon layar dan akhirnya menterjemahkan filem Imam ini sebagai sebuah naskhah filem Islam merupakan sesuatu sumbangan yang tidak ada tolok bandingnya.

Walaupun dikhabarkan jumlah kutipan tiket di pawagam tidak menunjukkan hasil yang memberangsangkan, namun ukuran kejayaan pada hemat pengkaji bukanlah pada ukuran material semata-mata dengan besarnya jumlah kutipan, tetapi paling penting adalah nilai pengajaran, keilmuan dan produk didaktik yang diserlahkan dalam filem ini yang seharusnya perlu dihargai oleh semua pihak yang terlibat dan pastinya kepada mereka yang terlibat dalam industri perfileman di Malaysia secara langsung mahupun secara tidak langsung.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Islam Malaysia atas kelulusan yang diberikan bawah Projek Penyelidikan Biduni Mizaniyah (Tanpa Biaya) bawah Kod Projek PPPI/BM/FPBU/USIM/13323.

## RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

Al-Athari, 'Abdullah. (2002). *Al-Wajiz fi 'Aqidah al-Salaf al-Salih*. Riyadh: Wizarah al-Awqaf.

Aliyudin & Enjang, AS. (2009). *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. Bandung: Tim Widya Padjadjaran.

Azimah Misrom & Rosmawati Mohamad Rasit. (2016). Tahap Penontonan Filem Genre Dakwah Dalam Kalangan Audien di Malaysia. *Jurnal Al-Hikmah*, 8(1), 65-77.

al-Ghazali, Abu Hamid. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Guntur Cahyono & Nibos Hassani (2019). Youtube Seni Komunikasi Dakwah dan Media Pembelajaran. *Jurnal Al-Hikmah: Jurnal Dakwah*, 13(1), 23-38.

Hasjmy, A. (1994). *Dustur Dakwah Menurut al-Quran*. Jakarta: PT Karya Unipress.

al-Himyari, Nasywan Sa'id. (1999). *Syams al-'Ulum wa Dawa' Kalam al-'Arab min al-Kalum*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Faris. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Manzur. (1994). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.

Ibn Maskawayh, Ahmad bin Muhammad. (t.th.). *Tahdhib al-Akhlaq wa Tathir al-'Araq*. ed. Ibn al-Khatib. Kaherah: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.

Ibn Taymiyah. (1985). *Majmu' al-Fatawa*. Riyadh: Matabi' al-Riyadh.

- Imam. (2023). Al-Kahfi Pictures Sdn. Bhd.
- al-Jurjani, Ali bin Muhammad. (1983). *Mu'jam al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kabisi, Nu'man Nafi' Ubayd. (2021). 'Aqidah al-Islam wa Hadir al-Muslimin. *Majallah al-'Ulum al-Islamiyyah*, 3, 28.
- al-Mawardi, Abu al-Hasan. (1981). *Tashil al-Nazar wa Ta'jil al-Zafar fi Akhlaq al-Muluk*. ed. Muih Hilal & Hasan al-Sa'ati. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Mior Hashim Manap. (2023). *IMAM : Sebuah Filem dan Satu Wasiat*. Kuala Lumpur: Al-Kahfi Pictures Sdn. Bhd.
- Moh. Ali Aziz. (2004). *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Prenadamedia Group.
- Mohd Nor, U. M. (2018). Antara Adab Berasmara Suami Isteri (Edisi Kemaskini) <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawira> [12 Disember 2024].
- Muhammad Rawwas Qal'aji & Hamid Sadiq Qanyabi. (1988). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. 'Amman: Dar al-Nafa'is li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Naquiddin, W. A. (2019). Hukum Melaksanakan Solat Jumaat Di Halaman Masjid Atau Tanah Lapang <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3556-al-kafi-1321-hukum-melaksanakan-solat-jumaat-di-halaman-masjid-atau-tanah-lapang> [12 Disember 2024].
- Natsir, M. (1996). *Fungsi Dakwah Perjuangan. Ideologisasi Gerakan Dakwah*. ed. Abdul Munir Mulkan. Yogyakarta: Sipres.
- al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr. (1986). *Al-Mukhtar al-Sihhah*. Beirut: Maktabah al-Lubnan.
- al-Raziq, Sayyid Sayyid cAbd. (2002). *Al-Manhaj al-Islami fi al-Naqd al-Adabi*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Taha Yahya Omar. (1979). *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Wijaya.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2019). Sendeng-Barat Dalam Sastera Melayu Moden: Cabaran Sebuah Cengkaman. *Jurnal MANU*, 30, 1-45.
- Zulkarnain Mohamed. (2010). Al-Qur'an, Ilmu, Displin Islami dan Sastera. Dlm. UngkuMaimunah Mohd Tahir (pnyt). Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan Teor Praktis, hlm.477-495. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkarnain Mohamed. (2011). Pendekatan Taa'mul-Taklif Dalam Kajian Sastera. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(2), 137-152.